

Masjid Batu dan Masjid Papan, Kampung Pertama: Penjelaras Kemelut Masyarakat Setempat

Zulkifli Dahalan

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan mengenal pasti sejarah dan peristiwa sehingga terbentuknya Masjid Batu dan Masjid Papan dalam satu kariah. Ketiadaan sistem beraja dan penguasaan British adalah faktor utama penyumbang kepada munculnya permasalahan ini. Pentadbiran agama Islam secara tersusun bermula agak lewat di Pulau Pinang. Dari sudut Islam, kewujudan berbilang masjid dalam satu kariah bukan satu galakan. Lebih banyak unsur negatif timbul jika masjid tidak dikawal. Perpecahan masyarakat akan berlaku kerana mereka akan dipengaruhi oleh masjid-masjid yang ada. Dalam beberapa keadaan, pembinaan masjid secara berdekatan dibolehkan. Kewujudan Masjid Batu dan Masjid Papan sentiasa menjadi persoalan. Umumnya masyarakat lebih melihat ianya sebagai 'ikon' perbezaan fahaman politik. Walaupun politik kepartian jelas mewarnai aktiviti kedua-dua buah masjid tetapi ia bukan faktor pencetus tertubuhnya dua buah masjid tersebut. Namun tidak dinafikan kewujudan kedua-duanya menjadi bukti wujudnya masalah perpaduan di kalangan umat Islam Kampung Pertama.